

4,720 pelajar lanjut pengajian di UMS sesi 2017/2018

NST 4.9.2017 2

KOTA KINABALU: Seramai 4,720 pelajar melanjutkan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kemasukan pelajar baharu sesi 2017/2018 kelmarin.

Naib Canselor UMS Prof Dr. D Kamarudin D Mudin berkata jumlah tersebut merangkumi seramai 2,293 pelajar dari Semenanjung, Sarawak dan Labuan, seramai 2,121 pelajar dari Sabah dan 306 pelajar antarabangsa dari 17 negara.

"UMS turut menawarkan tempat kepada 200 pelajar dalam kalangan kurang berkemampuan atau pelajar (dari keluarga) B40 untuk mengikuti pengajian prasiswazah pada sesi kali ini. Program tanggungjawab sosial korporat ini adalah yang kelima dijayakan UMS.

"Di samping itu, UMS juga menerima kemasukan 19 pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang ditempatkan di tingkat bawah kolej kediaman untuk memudahkan pergerakan selain disediakan kenderaan khas untuk menghadiri kuliah," katanya pada sidang media sempena pendaftaran pelajar baharu di sini.

Kenyataan media beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali.

Dr D Kamarudin berkata kesemua pelajar prasiswazah, yang terdiri daripada 3,284 pelajar perempuan dan 1,436 pelajar lelaki, akan tinggal di kolej kediaman dan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) selama seminggu sebagai persiapan untuk menyesuaikan diri suasana kehidupan kampus.

Sementara itu, Nurul Asmira Jakimin, 20,

melahirkan perasaan syukur kerana dapat melanjutkan pengajian ke UMS dalam bidang yang menjadi pilihan utamanya iaitu psikologi industri dan organisasi.

Anak sulung daripada tujuh beradik itu berasal dari Kampung Menggitom, Keningau, menjadikan kesungguhan dan iltizam kedua ibu bapanya yang ingin melihat dia ke menara-gading meskipun mereka berhadapan kekeangan kewangan, sebagai pembakar semangat untuk berjaya.

"Pada awalnya, perasaan saya berbelah bahagi sama ada ingin melanjutkan pelajaran atau tidak kerana melihat keluarga ada kekeangan kewangan. Saya ada ramai adik yang masih bersekolah dan memerlukan perhatian.

"Bagaimanapun, kedua ibu bapa saya tidak mahu saya risau pasal kekeangan kerana mereka ada membuat simpanan untuk saya melanjutkan pelajaran," katanya sambil memberitahu kedua ibu bapanya amat menitik beratkan soal pendidikan.

Sementara menunggu tawaran ke universiti, Nurul Asmira yang bercita-cita menjadi kaunselor turut mengambil inisiatif menjual tudung jahitannya sendiri dan hasilnya digunakan untuk membeli barang keperluan ke UMS.

Christinisiah Juin, 20, dari Penangah, Tongod, juga tidak menjadikan masalah kekeangan sebagai penghalang untuk menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke UMS sebaliknya anak sulung daripada lima beradik itu mahu menggunakan peluang itu untuk maju dalam pendidikan dan mengubah taraf hidup keluarganya. -Bernam